

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(X)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH  
YB.ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

1. Adakah Kerajaan Negeri akan mengekalkan jabatan dan agensi persekutuan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah seperti Kerajaan Pakatan Harapan menjadi kerajaan di peringkat persekutuan demi kebaikan masyarakat di setiap daerah dalam Negeri Pulau Pinang?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Kerajaan Negeri berpendirian bahawa jabatan dan agensi persekutuan sedia ada perlu dikekalkan dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah (JKTD) supaya segala program / projek yang telah dirancang boleh dilaksanakan dengan berkesan untuk kebaikan rakyat di Negeri Pulau Pinang.

Malahan mana-mana jabatan / agensi atau syarikat yang tiada dalam senarai Jawatankuasa pun boleh dipanggil untuk hadir secara *ad-hoc* sekiranya ada isu-isu penting yang perlu diperjelaskan dan diselesaikan.